



Contents lists available at [Journal IICET](#)

Lentera Negeri

Journal homepage: <http://journal.iicet.org/index.php/lentera>



Assessing the understanding and practice of fardhu prayer among PKT students: a survey-based analysis

Aiezzatul Akmaliah Binti Abdullah^{*}, Zainun Binti Salleh, Salmi Binti Mohd

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia

Article Info

Article history:

Received Jun 28th, 2024

Revised Jul 21th, 2024

Accepted Jul 30th, 2024

Keywords:

Identify

Practice

Prayer

Prayer pillars

ABSTRACT

Prayer functions as the pillar of religion and the main axis of a believer's faith. This study examines the implementation of obligatory prayer practices and the identification of Prayer Pillars among PKT students. This is because various parties, particularly Islamic Studies lecturers, often raise concerns about students' involvement in prayer in terms of practice and knowledge of Prayer Pillars. Although it is not a new issue, it still needs to be emphasized for the well-being of the Muslim community. A total of 30 students were selected to participate in this study as respondents. This research study used a questionnaire survey method. Through the distribution of questionnaires, the study found that almost students did not perform prayer perfectly, especially in terms of recitation during prayer and inability to identify the Prayer Pillars. This matter needs to be taken seriously by all parties to ensure the implementation of obligatory prayer in students' daily routines. It is anticipated that through the discoveries of this investigation and multiple suggested courses of action, there may be an enhancement in the extent of mandatory prayer engagement and the recognition of Prayer Pillars within the student population.



© 2024 The Authors. Published by IICET.

This is an open access article under the CC BY-NC-SA license
(<https://creativecommons.org/licenses/by-nc-sa/4.0>)

Corresponding Author:

Aiezzatul Akmaliah Binti Abdullah,

aiezzatul@pkt.edu.my

Pengenalan

Solat merupakan Rukun Islam kedua dan pelaksanaannya lima waktu sehari semalam secara konsisten merupakan anugerah teragung buat umat Islam di mana ianya merupakan satu cara terbaik untuk berkomunikasi dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim daripada Abdullah bin Umar ra iaitu: Maksudnya: "Dari ibn Umar ra, katanya: Rasulullah SAW bersabda: "Islam itu dibina dan ditegakkan di atas lima dasar, iaitu mengucap dua kalimah syahadah bahawa sesungguhnya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah dan sesungguhnya Nabi Muhammad SAW adalah pesuruh Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan mengerjakan haji ke Baitullah." (Riwayat Bukhari dan Muslim.)

Solat hendaklah dilaksanakan dengan khusyuk dan tawaduk sebagai tanda syukur hamba kepada Tuhannya. Kefardhuan solat ke atas orang Islam yang mukallaf dan merupakan amalan yang pertama sekali dihitung di Akhirat. Pendidikan awal solat bermula dari zaman kanak-kanak yang berusia tujuh tahun dan dipukul pada umur sepuluh tahun jika tidak solat. Didikan anak-anak supaya taat kepada Allah adalah dengan

cara melaksanakan perintahNya. Solat yang sempurna dapat mencegah dari perbuatan keji dan mungkar. Sekiranya dapat dilaksanakan seperti yang disyorkan, akan dapat melahirkan sifat taqwa dalam diri seseorang. Oleh itu dalam usaha untuk membentuk generasi berakhlak mulia dan bertanggungjawab, pelaksanaan dan penghayatan solat dalam kehidupan perlu diberi perhatian khusus.

Objektif Kajian: 1) Mengenalpasti pelaksanaan amalan solat fardhu di kalangan pelajar PKT; 2) Mengenalpasti tahap pengenalpastian Rukun Solat di kalangan pelajar PKT.

Metode

Kajian ini adalah kajian penyelidikan yang melibatkan kaedah soal selidik. Dalam borang soal selidik, data kajian dikumpulkan dan diukur menggunakan skala Likert 3 Peringkat bagi mengkaji pelaksanaan solat fardhu iaitu Tidak Pernah- Kadangkala- Sentiasa. Manakala untuk menguji pengenalpastian Rukun Solat, pengkaji masih menggunakan skala Likert 3 Peringkat iaitu Setuju-Tidak Pasti-Tidak Setuju. Seramai 30 orang pelajar semester dua yang mengikuti kursus Pengajian Islam di Politeknik Kuala Terengganu dipilih sebagai responden bagi kajian ini untuk membantu mendapatkan data dan maklumat berkaitan pelaksanaan amalan solat dan pengenalpastian Rukun Solat. Responden diterangkan secara bersemuka tentang tujuan penyelidikan, perkara yang akan dilakukan, tempoh penglibatan dalam penyelidikan, jenis data yang akan dikumpulkan dan penglibatan mereka dari segi penarikan diri dan hak peserta kajian.

Pelaksanaan Kajian

Jadual 1 <Taburan Pelajar>

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	16	53.3
Perempuan	14	46.7

Jadual 2 <Soal Selidik; Pelaksanaan Amalan Solat Fardhu>

Pernyataan	Kekerapan dan Peratus		
	Tidak Pernah / Kurang Setuju	Kadangkala / Setuju	Sentiasa / Sangat Setuju
Adakah Anda Mengerjakan Solat 5 Waktu Sehari Semalam?	0 (0%)	10 (33.3%)	20 (66.7%)
Adakah Anda Pernah Meninggalkan Solat Fardhu?	4 (13.3%)	26 (86.7%)	0 (0%)
Adakah Anda Mengerjakan Solat Fardhu Sebaik Sahaja Masuk Waktu Solat?	1 (3.3%)	23 (76.7%)	6 (20%)
Adakah Anda Sering Menunaikan Solat Fardhu Di Akhir Waktu?	2 (6.7%)	2 (6.7%)	26 (86.6%)
Adakah Anda Khusyuk Dalam Mengerjakan Solat Fardhu?	1 (3.3%)	17 (56.7%)	12 (40%)
Adakah Anda Telah Mengqada'kan Solat Yang Anda Telah Tinggal?	2 (6.7%)	15 (50%)	13 (43.3%)
Anda Merasakan Ketenangan Ketika Bersolat?	0 (0%)	8 (26.7%)	22 (73.3%)
Adakah Anda Cuba Memperbaiki Bacaan Dalam Solat dan Memahami Maksudnya?	2 (6.7%)	8 (26.7%)	20 (66.6%)
Adakah Anda Sering Merasa Malas Untuk Menunaikan Solat Fardhu?	6 (20%)	23 (76.7%)	1 (3.3%)
Adakah Anda Solat Disebabkan Ajakan Rakan Sebaya?	15 (50%)	11 (36.7%)	4 (13.3%)

Jadual 3 <Soal Selidik; Pengenalpastian Rukun Solat>

Pernyataan	Kekerapan dan Peratus		
	Setuju/ Betul	Tidak Pasti	Tidak Setuju/ Salah
Rukun solat terdiri daripada 13 perkara rukun	27 (90%)	3 (10%)	0 (0%)
Pembahagian rukun solat dibahagi kepada 3 kategori	23 (83.3%)	6 (13.3%)	1 (3.4%)
Bolehkah anda menyenaraikan pembahagian kategori Rukun Solat?	22 (73.3%)	8 (26.7%)	0(0%)

Pernyataan	Kekerapan dan Peratus		
	Setuju/ Betul	Tidak Pasti	Tidak Setuju/ Salah
Niat merupakan salah satu dari Rukun Fi'li	6 (20%)	4 (13.3%)	20 (66.7%)
Rukun Qauli perlu dilakukan dalam hati	7 (23.3%)	4 (13.3%)	19 (63.3%)
Terdapat 6 rukun Fi'li iaitu berdiri betul, Rukuk beserta tamakninah, Iktidal beserta tamakninah, Sujud beserta tamakninah, duduk antara dua sujud beserta tamakninah dan duduk tahiyyat akhir.	23 (76.7%)	7 (23.3%)	0(%)
Membaca Al-Fatihah di dalam hati membatalkan solat.	19 (63.3%)	8 (26.7%)	3 (10%)
Memberi salam pertama adalah termasuk dalam rukun fi'li	10 (33.3%)	8 (26.7%)	12 (40%)
Membaca Tasyahud akhir di dalam hati tidak membatalkan solat	5 (16.7%)	14 (46.7%)	11 (36.6%)
Tidak membaca Selawat Ke atas Nabi dalam tahiyyat akhir membatalkan solat	16 (53.3%)	11 (36.7%)	3 (10%)
Tidak melaksanakan rukuk beserta tamakninah membatalkan solat	16 (53.3%)	10 (33.3%)	4 (13.4%)
Rukun Qauli perlu dibaca sekurang-kurangnya dapat didengari oleh diri sendiri	25 (83.3%)	4 (13.3%)	1 (3.3%)
Bacaan doa Qunut merupakan rukun Qauli	8 (26.7%)	10 (33.3%)	12 (40%)
Bacaan Tahiyyat awal adalah rukun dalam solat	13 (43.3%)	7 (23.3%)	10 (33.3%)
Rukun Qalbi perlu dilakukan dalam hati. Contohnya niat.	22(73.3%)	6 (20%)	2 (6.7%)

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Taburan Responden

Jadual 1 menunjukkan taburan bilangan responden kajian yang terpilih dan mereka adalah antara pelajar-pelajar semester dua kursus Pengajian Islam Sesi 2: 2023/2024. Seramai 30 orang responden terdiri daripada 16 orang responden lelaki (53.3%) dan 14 orang responden perempuan (46.7%) telah mengambil bahagian dalam kajian ini.

Pelaksanaan Amalan Solat Fardhu

Jadual 2 menunjukkan dapatan kaji selidik pelaksanaan amalan solat fardhu. Peratus tertinggi responden kadang kala/ bersetuju (86.7%) ialah pada item “Adakah Anda Pernah Meninggalkan Solat Fardhu?”. Ini menggambarkan bahawa sebilangan besar pelajar masih mengabaikan kewajipan menunaikan solat pada waktu yang ditetapkan. Dapatan ini selari dengan kajian bin Mohd Nawi & Ghani (2021) mendapati masih ada pelajar muslim yang tidak dapat melaksanakan ibadat solat fardhu secara sempurna dalam kajiannya tentang Pelaksanaan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Hulu Terengganu.

Manakala peratus kedua tertinggi sebanyak 86.6% responden sentiasa/sangat setuju pada pernyataan “Adakah Anda Sering Menunaikan Solat Fardhu Di Akhir Waktu?”. Dapat dirumuskan bahawa masih ramai yang tidak menunaikan solat di awal waktu sedangkan menurut hadis diriwayatkan oleh Tirmidzi, Nabi SAW pernah ditanya, “Amalan apakah yang paling utama?” Baginda menjawab: “Solat pada awal waktu.” (Hadis Riwayat Tirmidzi).

Seramai 76.7% responden mengakui mereka kadang-kala menunaikan solat fardhu sebaik sahaja masuk waktu solat dan peratusan yang sama bagi pernyataan kadang-kala berasa malas untuk menunaikan solat fardhu. Di samping itu, berkaitan tahap kekhusyukan semasa solat, 56.7% responden mengakui kadang-kala sahaja mereka khusyuk manakala 40% responden lagi menyatakan mereka sentiasa/setuju berada dalam keadaan khusyuk ketika menunaikan solat fardhu. Khusyuk dalam solat adalah penting kerana ia berkait dengan ketinggian aspek kerohanian dalam diri seseorang muslim (Junoh & Jusoh, 2018) dan solat merupakan medan yang sesuai untuk mencari ketenangan dalam diri manusia (Sobri et al, 2022).

Sebahagian responden iaitu 50% mengakui mereka kadang-kala mengqadakan semula solat yang telah ditinggalkan sebelum ini. Sesungguhnya meninggalkan solat fardhu adalah berdosa dan jika terlupa sekalipun ia mesti diganti. Ini bertepatan hadis Nabi SAW bermaksud: Sesiapa yang terlupa solat, maka hendaklah dia menunaikannya apabila dia teringat akannya, tidak ada kafarah untuknya melainkan hal tersebut” (Bukhari:597 & Muslim: 684). Dapatan ini selari dengan kajian Bidin et al, (2015) bahawa pelajar memahami akibat yang akan berlaku kepada mereka yang meninggalkan solat. Mereka akan menghadapi azab di dunia ini dan azab yang lebih dahsyat di neraka.

Sebahagian daripada responden (50%) tidak bersetuju bagi pernyataan “Adakah Anda Solat Disebabkan Ajakan Rakan Sebaya?”. Pengkaji berpendapat kebanyakan responden tinggal bersama ahli keluarga yang konsisten mendirikan solat fardhu. Selari dengan kajian Mohd Mansor et al, (2021), selain daripada didikan keluarga menjadi pengaruh dan faktor pemangkin pelajar mendirikan solat, tidak dinafikan bahawa pelajar sangat memerhati cara didikan ini diberikan kepada mereka semasa mereka masih kanak-kanak. Keluarga yang menunjukkan contoh yang baik mampu membentuk nilai yang baik untuk generasi berikutnya.

Secara keseluruhannya bagi kajian pelaksanaan solat fardhu ini, mendapati masih terdapat ruang untuk penambahbaikan ke arah penunaian solat yang lebih konsisten dan khusyuk dalam kalangan responden yang dikaji. Responden perlu sedar dan berusaha untuk memperbaiki kualiti solat kerana mereka adalah generasi muda yang akan memimpin keluarga suatu hari nanti. Dengan usia sekarang mereka sepatutnya tidak lagi meninggalkan solat dengan sengaja. Selari dengan kajian bin Mohd Nawawi & Ghani (2021) bahawa responden merupakan golongan yang telah melangkah masuk ke alam institusi pengajian tinggi dan sepatutnya mereka semua memahami kepentingan menjaga ibadah solat kerana mereka adalah bakal pemimpin ummah di masa hadapan.

Pengenalpastian Rukun Solat

Jadual ini memberi fokus kepada pengenalpastian Rukun Solat. Majoriti responden (90%) menyatakan mereka dapat mengenalpasti kesemua 13 perkara Rukun Solat dengan betul mengikut tuntutan syarak. Hanya 10% lagi memberikan jawapan tidak pasti. Sebanyak 83.3% responden menyatakan mereka betul dalam membahagikan Rukun Solat kepada 3 kategori. Namun, 13.3% memberi jawapan tidak pasti dan 3.3% memberi jawapan salah dalam mengenalpasti pembahagian Rukun Solat. Sebahagian besar responden (73.3%) menyatakan mereka betul dalam kebolehan menyenaraikan dengan betul kategori Rukun Solat, manakala 26.7% lagi tidak pasti.

Dapatan menunjukkan 63.3% responden memberi jawapan betul bagi pernyataan “Membaca Al-Fatihah di dalam hati membatalkan solat”. Ini menunjukkan sebahagian responden mengetahui bacaan al-Fatihah adalah sebahagian dari Rukun Qauli dan memahami rukun tersebut perlu dibaca dengan jelas dan betul kerana bacaan yang salah akan menyebabkan solat tidak sah (Hamzah et al, 2021).

Seramai 30% responden memberi respon bahawa salam pertama adalah termasuk dalam Rukun Fi’li, manakala 40% tidak bersetuju. Pengkaji berpendapat responden tertukar sama ada perbuatan memberi salam atau lafaz memberi salam yang menjadi Rukun Solat. Bagi pernyataan “membaca tasyahud akhir dalam hati tidak membatalkan solat” mendapati sebilangan responden masih tidak dapat mengenalpasti pelaksanaan tasyahud akhir kerana 46.7% memberikan jawapan tidak pasti dan 16.7% memberi jawapan setuju. Dapatan ini menunjukkan pelajar masih keliru dengan pelaksanaan tasyahud akhir (Abd Aziz et al. 2021).

Kajian ini menunjukkan tahap kefahaman dan komitmen responden terhadap penunaian rukun dan syarat sah solat masih di tahap sederhana. Pendedahan ilmu dan bimbingan berterusan amat diperlukan untuk meningkatkan tahap kefahaman dan amalan ibadat solat yang sempurna dalam kalangan responden. Menurut Marzuki et al, (2018) bahawa responden seharusnya mengetahui bahawa sesiapa yang menolak perintah Allah untuk mendirikan solat adalah melanggar batasan hukum syarak dan dianggap fasik.

Cadangan Kajian

Berdasarkan dapatan hasil kajian soal selidik dijalankan, menunjukkan hampir sebahagian besar pelajar tidak melaksanakan solat dengan sempurna terutama dari segi bacaan dalam solat dan kurang dapat mengenalpasti secara tepat rukun-rukun solat. Perkara ini perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak bagi memastikan pelaksanaan solat fardhu dalam rutin seharian pelajar. Bagi mengatasi permasalahan tersebut, Beberapa cadangan tindakan telah dikenalpasti dan dikemukakan untuk meningkatkan tahap pengamalan solat fardhu dan pengenalpastian Rukun Solat di kalangan pelajar. Antaranya ialah melalui program pengukuhan solat

melalui bimbingan dan tunjuk ajar pengajar yang berkemahiran dalam bidang agama dan melaksanakan latihan ujiminda menggunakan bahan PdP yang berinovasi bagi membantu pelajar mengenalpasti Rukun Solat. Pengajar juga boleh berkongsi risalah dan poster yang menarik berkaitan solat kepada pelajar melalui platform yang sesuai.

Simpulan

Solat merupakan ibadah yang paling penting di dalam Islam kerana ia melambangkan pengabdian kepada Allah SWT. Ibadah ini membentuk asas kepada semua ibadah lain serta memainkan peranan penting dalam menjaga manusia daripada melakukan perkara keji dan mungkar. Amalan dan kewajipan solat ini adalah didikan Ilahi yang pasti akan memberi manfaat kepada pelbagai aspek kehidupan manusia. Oleh itu, mempunyai pengetahuan asas, pemahaman dan penghayatan yang baik tentang ibadah ini pasti akan membantu setiap individu meningkatkan amalan solat mereka dan menghalang mereka daripada melakukan perkara yang boleh menjejaskan keperibadian Muslim mereka. Bagi memastikan generasi muda mempunyai kesedaran diri untuk melaksanakan solat fardhu, kerjasama dari semua pihak adalah penting. Tanggungjawab dan peranan setiap daripada kita amat penting untuk dimainkan dan seharusnya dipikul bersama dalam melahirkan generasi yang cemerlang bukan sekadar dalam bidang akademik bahkan dalam bidang agama terutama pelaksanaan syariat Allah SWT.

Rujukan

- Abd Aziz, N. B., Radzi, M. B. B. M., & Noor, N. B. M. (2021). Penguasaan Bacaan Dan Pelaksanaan Solat Di Kalangan Pelajar Muslim Di Politeknik. In *UnIPSAS Conference and Proceedings* (Vol. 1, No. 1, pp. 251-256).
- Al-Qur'an. Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran 30 Juzuk. Terj. Sheikh Abdullah Bin Muhammad Basmith. Kuala Lumpur: Darul Fikr
- Bidin, H., Baharuddin, A. S., & Mustari, M. I. (2015). Kefahaman Ibadat Solat Fardhu dalam Kalangan Pelajar Muslim: Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. *Sains Humanika*, 5(3). <https://doi.org/10.11113/sh.v5n3.663>
- bin Mohd Nawawi, A., & Ghani, S. B. A. (2021). Pelaksanaan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Hulu Terengganu. In *UnIPSAS Conference and Proceedings* (Vol. 1, No. 1, pp. 291-302).
- Hamzah, H. B., Zakaria, N. S. B., Rashed, Z. N. B., & Sabilan, S. (2021). kesan ibadah solat terhadap kepimpinan diri belia. *Proceeding Book*, 1.
- Junoh, N., & Jusoh, N. A. M. (2018). Falsafah Ibadat Solat Berdasarkan Al-Sunnah: Analisis Pandangan Shah Wali Allah Al-Dihlawi: The Philosophy of Solat Based on al-Sunnah: Analitical Study of Shah Wali Allah al-Dihlawi's. *Journal of Fatwa Management and Research*, 139-154.
- Marzuki, M. K., Abd Rahman, M. M., & Ismail, A. (2018). Sikap pelajar terhadap pengamalan solat fardhu dan kesannya kepada pembentukan sahsiah: kajian di uitm kelantan kampus kota bharu. *ALBASIRAH JOURNAL*, 8(2), 11-22.
- Mohd Mansor, S. K., Abd Rahim, S. I., & Zainal, N. H. (2021). Kajian tahap penghayatan solat fardhu dan faktor pelaksanaannya dalam kalangan mahasiswa UiTM Shah Alam. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*, 7(2), 79-98
- Sobri, N. S. H., Salleh, K., & Salleh, N. (2022). Amalan kerohanian merawat tekanan emosi pesakit COVID-19. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 5(1), 71-90.
- Zaharuddin Abd Rahman (2008), Formula Solat Sempurna. Telaga Biru Sdn. Bhd.